

Cagamas muktamad terbitan sukuk RM715 juta

Mac 13, 2023 @ 3:48pm



Cagamas Bhd

KUALA LUMPUR: Cagamas Bhd memuktamadkan gabungan terbitan sukuk bernilai RM715 juta, terdiri daripada Nota Kadar Berubah setahun (VRN), Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) bagi tempoh tiga tahun dan IMTN lima tahun.

Perbadanan gadai janji negara itu dalam satu kenyataan hari ini berkata, hasil daripada terbitan berkenaan akan digunakan untuk membiayai pembiayaan perumahan daripada sistem kewangan domestik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas, Datuk Chung Chee Leong, berkata IMTN bagi tempoh tiga dan lima tahun itu berjaya dimuktamadkan melalui proses penetapan harga yang membolehkan syarikat itu mencapai nisbah menyeluruh akhir masing-masing pada dua kali dan lima kali, dengan penyertaan daripada pelbagai kumpulan pelabur termasuk korporat, syarikat insurans, institusi kewangan dan dana berdaulat.

"Terbitan itu menjadikan jumlah dana terkumpul bagi tahun ini sebanyak RM2.74 bilion," katanya.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Cagamas muktamad terbitan bon, sukuk RM3.3 bilion
- Cagamas muktamad bon, sukuk RM550 juta
- Pengumpulan dana Cagamas catat rekod tertinggi tahun lalu
- Cagamas muktamad terbitan bon RM2 bilion
- Pelabur asing kembali jadi pembeli bon kerajaan
- Joanna mahu masak sup untuk Jho Low
- Unit EcoWorld terbit sukuk sulung RM550 juta
- Terbitan hak BSLCorp raih keuntungan 142 peratus

Terbitan itu akan ditebus pada nilai nominal penuhnya apabila matang, dan obligasi tidak bercagar Cagamas, setara dengan semua obligasi tidak bercagar sedia ada lain syarikat.